

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 [KHAMIS]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah pengurusan KPKT. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk meringankan beban kewangan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini terdapat 12 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan (KPKT). Daripada jumlah tersebut, 2 projek PPR adalah penyewaan secara konvensional yang melibatkan jumlah keseluruhan penyewa seramai 3,168 orang iaitu PPR Lembah Subang 1 (2,798 penyewa) dan Rumah Transit PPR Pinggiran Bukit Jalil (370 penyewa). Manakala 10 lagi projek PPR adalah di bawah Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent To Own* (RTO) yang melibatkan jumlah keseluruhan penyewa sebanyak 2,893 orang.

2. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meringankan beban penyewa PPR adalah dengan mengekalkan kadar sewa yang rendah dan munasabah untuk ditanggung oleh penghuni PPR. Buat masa ini, kadar sewa bulanan termasuk penyenggaraan yang ditetapkan bagi PPR secara sewaan konvensional adalah RM124, Rumah Transit PPR adalah RM250 dan kadar sewa PPR RTO adalah RM255.

Sekian, terima kasih.